KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	14/1/2022 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	6-7
JABATAN	:	KeTSA / PERHILITAN			



ANGGOTA Perhilitan lengkap bersenjata mengiringi penduduk kampung di Pos Bihai yang bercucuk tanam dan mengambil hasil pertanian.



POS BIHAI DIANCAM HARIMAU BELANG

ANGGOTA PERHILITAN BERJAGA 24 JAM

Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Berjaga 24 jam tanpa lelah. Itu langkah diambil seramai 28 kakitangan Jabatan Perlindungan Haiwan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Semenanjung Malaysia yang berkawal di Pos Bihai, Gua Musang, Kelantan sejak seminggu lalu bagi memastikan keselamatan penduduk diancam harimau belang.

Malah, ada antara kakitangan Perhilitan yang lengkap bersenjata api ini turut berkawal dan menemani penduduk Orang Asli ketika melakukan aktiviti harian termasuk berkebun.

> "Petugas Perhilitan turut mengiringi keluar kenderaan guru
> Jurucakap Perhilitan

Usaha itu membabitkan kakitangan Pusat Konservasi Harimau Kebangsaan (NTCC), Bahagian Penguatkuasaan, Pusat Menyelamat Hidupan Liar Kebangsaan (NWRC), Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan (PKGK) dan anggota Perhilitan Kelantan dan ibu pejabat di Kuala Lumpur.

Jurucakap Perhilitan berkata, anggota Perhilitan terbabit turut akan memeriksa tiga perangkap yang dipasang di Kampung Tendrik, Kampung Pahong dan Kampung Bihai Lama setiap hari.

"Mereka juga melakukan taklimat keselamatan kepada Orang Asli dan kumpulan guru yang bertugas di Sekolah

Kuala Lumpur: "Harimau belang yang dijangkiti Canine Distemper Virus (CDV) akan berperangai pelik, hilang identiti malah menjadi 'jinak' seperti kucing," ujar Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Haiwan Liar dan Taman

Virus CDV buat pak belang jadi 'jinak'

Negara (Perhilitan) Semenanjung Malaysia, Datuk Abdul Kadir Abu Hashim.

Menurutnya, virus itu yang biasanya menjangkiti anjing, kucing dan musang turut boleh menjangkiti harimau belang dan spesies harimau lain seperti harimau kumbang dan harimau dahan.

"Namun berdasarkan kajian dilakukan tahun 2000, virus ini mudah menyerang haiwan karnivor termasuk singa dan harimau di Afrika.

"CDV adalah ancaman bagi spesies harimau belang (Panthera tigris jacksoni) berikutan ia mampu mengakibatkan kerosakan fungsi otak. Ini antara punca harimau ini mula hilang rasa takut semula jadi kepada manusia.

"Mamalia pemangsa ini akan memasuki kawasan penempatan manusia tanpa rasa takut. Akibatnya haiwan ini senang dibunuh pemburu haram berikutan ia mudah didekati," katanya ketika dihubungi wartawan, semalam.



ANGGOTA Perhilitan memberikan taklimat kepada penduduk kampung berhubung isu keselamatan membabitkan harimau.

Kuala Lumpur: Penduduk di perkampungan Orang Asli Pos Bihai, Gua Musang, Kelantan disarankan supaya tidak keluar rumah sehingga baki tiga ekor harimau ditangkap Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan).

Jurucakap Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) berkata, satu perbincangan antara agensi itu dan Perhilitan yang berlangsung semalam memutuskan penduduk tidak digalakkan keluar rumah termasuk keluar mencari makanan manakala sekolah juga turut ditutup.

"Perhilitan sudah memasang perangkap di beberapa lokasi, tetapi ia tidak begitu berkesan. Jadi kita tidak galakkan penduduk untuk keluar rumah, dibimbangi terserempak dengan haiwan itu," katanya kepada Harian Metro.

Katanya, perbincangan itu juga ada menjurus mengenai perpindahan penduduk ke lokasi selamat tetapi belum ada kata putus daripada pihak berkaitan berikutan ia membabitkan adat dan budaya Orang Asli.

"Jakoa juga akan mengagihkan bakul makanan kepada penduduk dan bekalan ini tahan untuk tempoh dua minggu, jadi kita berharap penduduk tidak keluar rumah sehingga harimau itu ditangkap.

Sebelum ini, Perhilitan Kelantan mengesan tiga harimau belang yang berkeliaran di perkampungan Orang Asli di Gua Musang.

Malah agensi itu turut menafikan dakwaan terdapat 11 harimau belang di perkampungan Orang Asli dan pasukannya akan terus membuat pemantauan dan memasang perangkap yang dilengkapi kamera di Kampung Tendrik dan Kampung Hak di Pos Bihai.

Media sebelum ini melaporkan seorang lelaki Orang Asli maut dibaham harimau di Kampung Sau dekat Pos Bihai, Jumaat lalu.



ANGGOTA Perhilitan memasang perangkap harimau.

Saran penduduk hanya tinggal di rumah

> *Perhilitan sudah memasang perangkap di beberapa lokasi, tetapi ia tidak begitu berkesan. Jadi kita tidak galakkan penduduk untuk keluar rumah, dibimbangi terserempak dengan haiwan itu"*
>
> *Jurucakap Jakoa*

INFO

- *Bilik gerakan khas turut dibuka bagi memantau situasi perangkap dipasang*

Kebangsaan (SK) Balar di situ.

"Selain melakukan kawalan keselamatan di kampung Orang Asli itu dan sekitar sekolah, petugas Perhilitan turut mengiringi keluar kenderaan guru.

"Bilik gerakan khas turut dibuka bagi memantau perkembangan perangkap harimau selain mengawal keselamatan penduduk kampung yang mahu pergi ke kebun bagi menuai hasil tanaman," katanya.

Menurutnya, keadaan laluan masuk ke Pos Balar dan kampung Bihai Lama yang tidak berturap menyukarkan pergerakan kenderaan.

"Bagaimanapun petugas Perhilitan tetap akan meneruskan usaha bagi meredakan keadaan serta kebimbangan penduduk Orang Asli di situ.

"Langkah petugas Perhilitan mengiringi penduduk Orang Asli Kampung Tendrik mengutip hasil tanaman sedikit sebanyak dapat memastikan kehidupan mereka berjalan seperti biasa," katanya.

Dalam kejadian jam 9 pagi Jumaat lalu, seorang lelaki Orang Asli berusia 59 tahun maut selepas dibahan seekor harimau jantan seberat lebih 200 kilogram ketika membuang air besar di belakang rumahnya di Pos Bihai.

Harimau belang itu bagaimanapun terpaksa ditembak mati selepas cuba menyerang anggota Perhilitan yang cuba menjejakinya jam 12 tengah hari hari sama.

Menurutnya, harimau jantan berusia tiga tahun yang membunuh seorang lelaki Orang Asli pada Jumaat lalu bagaimanapun disahkan bebas CDV berdasarkan bedah siasat dilakukan pihaknya.

"Bagaimanapun pihak kami masih menyiasat sama ada harimau belang yang masih bebas dan mengancam kampung Pos Bihai ketika ini dijangkiti virus itu," katanya.

Beliau berkata, jangkitan CDV di Serengeti, Tanzania, Afrika, pernah menyebabkan 30 peratus populasi singa mati akibat virus itu sekitar tahun 90-an.

Berdasarkan kejadian sama pada 2013, virus CDV yang disebarkan oleh anjing menyebabkan harimau Sumatera di sekitar wilayah Bengkulu, Jambi dan Riau, Sumatera, Indonesia mengalami perubahan tingkah laku dan tidak takut pada manusia.

Kelmarin, Pengarah Perhilitan Kelantan Mohd Hafid Rohani memaklumkan beberapa ekor harimau belang yang berkeliaran di dalam radius 10 kilometer di Pos Bihai, Gua Musang, positif dijangkiti CDV.

Menurutnya, andalan itu berdasarkan sampel najis binatang berkenaan yang diambil di sekitar lokasi terbabit.


Katanya, disebabkan virus berkenaan, harimau itu akan mengalami hidung berair dan kelakuannya juga berubah tidak seperti harimau lain.

"Jangkitan virus yang dihadapi harimau belang berkenaan sama sebagaimana yang berlaku terhadap harimau yang ditangkap pihak Perhilitan di Terengganu beberapa bulan lalu," katanya ketika ditemui di pejabatnya.

> *CDV adalah ancaman bagi spesies harimau belang*
> Abdul Kadir



APAKAH VIRUS CANINE DISTEMPER (CDV)



Virus dari keluarga Paramyxoviridae yang menyebabkan campak, beguk dan bronkiolitis pada manusia.

1. Dikesan berevolusi dan berubah hingga mampu menjangkiti mamalia laut seperti anjing laut.
2. Virus ini boleh menyebabkan punca kematian akibat masalah pernafasan seperti pneumonia.
3. Menjadi punca masalah saraf tunjang dan otak seperti kehilangan rasa takut pada manusia serta menyerang.
4. Turut memberi kesan kepada saluran gastrousus dan pernafasan dengan gejala hilang selera makan dan kelesuan.
5. Pernah dikesan menjangkiti beruk di Jepun dan China pada tahun 2008.

KES HARIMAU MATI AKIBAT VIRUS CANINE DISTEMPER (CDV) DI MALAYSIA

5 Jun 2021

Seekor harimau dahan jantan yang ditangkap selepas berkeliaran di belakang rumah penduduk di Kampung Bukit Bertam, Selama, Perak disahkan mati akibat jangkitan virus CDV.

5 Mac 2020

Seekor Harimau Malaya ditemukan mati di sebuah bukit Ladang Aramijaya, Mersing, Johor, dipercayai berpunca jangkitan virus CDV.



23 Julai 2019

Harimau belang diberi gelaran 'Awang Besul' yang ditemui berkeliaran di sekitar Kampung Besul Lama, Bukit Besi, Dungun, Terengganu mati ketika berada dalam rawatan dan kuarantin di Pusat Menyelamat Hidupan Liar (NWRC) di Sungkai, Perak, akibat jangkitan CDV.

INFOGRAFIK | Metro